

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN
YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Tabung COVID-19:-

- (a) berapakah nilai terkumpul Tabung COVID-19 sehingga bulan November 2020; dan
- (b) apakah status penggunaan dana tabung COVID-19.

JAWAPAN**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dimaklumkan bahawa Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan pengurusan Tabung COVID-19. Sehingga **6 November 2020**, jumlah kutipan/terimaan Tabung COVID-19 adalah sebanyak **RM44,780,782.52** dengan pecahan seperti berikut:

| BIL | PERIHAL | JUMLAH (RM) |
|---------------|---|----------------------|
| 1 | Sumbangan Kerajaan Malaysia | 1,000,000.00 |
| 2 | Sumbangan Institusi Diraja | 200,000.00 |
| 3 | Sumbangan Anggota Pentadbiran (26 Kementerian) | 1,752,414.58 |
| 4 | Sumbangan Korporat (58 Organisasi) | 36,562,069.25 |
| 5 | Sumbangan Lain-lain | 5,266,298.69 |
| JUMLAH | | 44,780,782.52 |

2. Sehingga tarikh yang sama, jumlah perbelanjaan Tabung COVID-19 adalah sebanyak **RM39,262,705.44**. Butirannya adalah seperti berikut:

| BIL | PERIHAL | JUMLAH (RM) |
|---------------|--|----------------------|
| 1 | Bantuan Bakul Makanan kepada yang memerlukan (program KPWKM) | 30,629,105.44 |
| 2 | Bantuan Khas COVID -19 - Pengurusan Kematian (RM5,000) | 710,000.00 |
| 3 | Bantuan Khas COVID -19 - Kehilangan Pendapatan (RM100) | 7,923,600.00 |
| JUMLAH | | 39,262,705.44 |

3. Peruntukan bagi **Bantuan Bakul Makanan** disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyampaikan bantuan dalam bentuk Bakul Makanan dan wang tunai kepada mereka yang memerlukan semasa tempoh PKP.

4. NADMA telah menyalurkan **Bantuan Khas Pengurusan Kematian** sebanyak RM5,000 setiap kematian kepada 142 waris mangsa wabak COVID-19 berbanding 279 kes kematian. Perincian baki seramai 137 orang mangsa kematian pula sedang dikemaskini oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan akan dikemukakan kepada NADMA bagi maksud pembayaran bantuan khas tersebut. Mangsa di kalangan bukan warganegara tidak layak menerima Bantuan Khas Pengurusan Kematian ini.

5. Bagi **Bantuan Khas Kehilangan Pendapatan**, NADMA menyalurkan bantuan wang tunai sebanyak RM100 sehari dengan tuntutan maksimum sehingga 14 hari yang berjumlah RM1,400 kepada 5,774 orang yang layak.

6. Pada masa ini, baki semasa Tabung COVID-19 adalah sebanyak **RM5,518,077.08** akan digunakan untuk membayar Bantuan Khas Pengurusan Kematian dan Kehilangan Pendapatan yang sedang diproses. Jika masih terdapat baki tabung ini, baki tersebut akan dimasukkan ke Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN).

Sekian, terima kasih.